

137678
4000009062

HADIAH



**HUBUNGAN ANTARA SIKAP DENGAN PENCAPAIAN
MATA PELAJARAN EKONOMI TINGKATAN 6 DI
SEBUAH SEKOLAH MENENGAH DI TAWAU**



CHEW SOI MOOI

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2006

ABSTRAK

HUBUNGAN ANTARA SIKAP DENGAN PENCAPAIAN MATA PELAJARAN EKONOMI TINGKATAN 6 DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH DI TAWAU

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk melihat perhubungan antara sikap terhadap ekonomi (STE) dengan pencapaian mata pelajaran ekonomi. Soal selidik STE diambil dari Heng (1992) yang diterjemah dan diubahsuai dari soal selidik yang telah digunakan oleh Walstad & Soper (1983) dan Duchartel (1985). Ujian sikap ini terdiri daripada 55 item dengan skala likert 5 poin. STE boleh dibahagikan kepada 5 subskala iaitu tanggapan terhadap guru (TGE), nilai ekonomi terhadap masyarakat (NEM), konsep sendiri terhadap ekonomi (KKE), keseronokan mempelajari ekonomi (KME) dan motivasi dalam mempelajari ekonomi (MDE). Seramai 97 pelajar Tingkatan 6 dari salah sebuah sekolah menengah bandar berasrama di Tawau telah dipilih sebagai sampel. Markah ekonomi semasa Tingkatan 6 rendah telah digunakan sebagai pengukur pencapaian mata pelajaran ekonomi pelajar. Data kajian ini diproses melalui komputer dengan menggunakan program SPSS 11.5. Nilai sisihan piawai, peratusan dan min dikira untuk tujuan analisis. Ujian korelasi digunakan untuk melihat hubungan antara sikap dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ekonomi. Keputusan kajian ini menunjukkan STE ($r=0.031$), KKE ($r=0.179$) dan MDE ($r=0.142$) mempunyai hubungan linear positif yang lemah dan tidak signifikan dengan pencapaian mata pelajaran ekonomi pada aras $p>0.05$. Manakala TGE ($r=-0.094$), NEM ($r=-0.079$) dan KME ($r=-0.074$) mempunyai hubungan negatif yang sangat rendah dan tidak signifikan dengan pencapaian mata pelajaran ekonomi pada aras $p>0.05$. Keputusan kajian diharap dapat membantu pelajar menanam sikap positif terhadap mata pelajaran ekonomi seterusnya memperoleh pencapaian mata pelajaran ekonomi yang lebih cemerlang dalam peperiksaan STPM.

ABSTRACT

THE RELATIONSHIP BETWEEN ATTITUDES AND FORM SIX STUDENTS' ACHIEVEMENT IN THE ECONOMIC SUBJECT IN A SECONDARY SCHOOL IN TAWAU

The main purpose of this study is to survey the relationship between attitude towards the Economic subject 'Sikap Terhadap Ekonomi' (STE) and students' achievement in the economic subject in form 6 examination. The questionnaires used for this survey is from Heng (1992) which is a translated and modified version of questionnaires from 'Survey On Economic Attitudes' or 'Sikap Terhadap Ekonomi' (STE) from Walstad & Soper (1983) and Duchartel (1985). The STE test study 55 items measured on the 5 point likert scales and divided into five subscales : opinion of teacher (TGE) , economic norm (NEM) , self-concept towards economy (KKE), enjoyment in learning economy (KME) and motivation in learning economy (MDE). The survey was conducted on ninety seven upper 6 students from an urban school with hostel in Tawau. The marks they obtained was processed by SPSS version 11.5. Statistical data such as standard deviation, percentage and mean was studied. The Pearson correlation was used to study the relationship between attitudes and students achievement in the economy subject. The Pearson correlation analysis indicated a weak but positive and not significant relationship between STE ($r=0.031$), KKE ($r=0.179$) and MDE ($r=0.142$) for achievement in the economy subject at $p>0.05$ significant level. However, TGE ($r=-0.094$), NEM ($r=-0.079$) and KME ($r=-0.074$) show negative and very weak relationship for achievement in the economy subject at $p>0.05$ significant level. This finding from this research will assist student build positive attitudes towards their economy subject and help them to achieve better results for the economy subject in their STPM examination.